

<b>HELAIAN PENDEDADAHAN PRODUK</b>	<b>Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful")</b> <b>200601018337 (738090-M)</b> <b>HLM Takaful Legacy Plus</b> <b>DDMMYYYY</b>
<b>Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai HLM Takaful Legacy Plus. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.</b>	

#### 1. Apakah produk ini?

Ini adalah produk Takaful sumbangan berkala dengan tempoh pembayaran sumbangan terhad yang dapat memenuhi keperluan perlindungan dan simpanan anda sehingga umur 80 tahun (umur pada harijadi akan datang). Ia menyediakan perlindungan untuk kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD).

#### 2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

- (a) Tabarru' bermaksud derma daripada bahagian sumbangan yang akan diperuntukkan ke Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama di kalangan rakan-rakan peserta.
- (b) Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.
- (c) Wakalah bermaksud secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta untuk menguruskan PRF dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- (d) Ju'alah bermaksud perjanjian di mana peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik Pengendali Takaful dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya Lebihan dalam dana tersebut.
- (e) Qard bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku defisit di dalam PRF.

#### 3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Perkara Dilindungi	Keterangan Manfaat	Tempoh Perlindungan (Tahun)
Kematian	Sekiranya berlaku Kematian semasa sijil berkuatkuasa, kami akan membayar Manfaat Kematian Dijamin sebanyak RM . Sekiranya berlaku kematian yang disebabkan oleh sesuatu selain daripada kemalangan dalam tahun sijil pertama dan kedua, hanya jumlah sumbangan yang telah dibayar akan dikembalikan kepada anda.	tahun
Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)	Sekiranya berlaku TPD semasa sijil berkuatkuasa (Perlindungan TPD sehingga umur 65 pada harijadi akan datang), kami akan membayar Manfaat TPD Dijamin* sebanyak RM Had TPD maksimum semasa setiap hayat adalah RM8 juta, untuk semua Manfaat TPD yang perlu dibayar di bawah semua sijil (termasuk rider) yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, termasuk sijil ini berkenaan dengan Orang Dilindungi yang sama. Sekiranya berlaku TPD yang disebabkan oleh sesuatu selain daripada kemalangan dalam tahun sijil pertama dan kedua, hanya jumlah sumbangan yang telah dibayar akan dikembalikan kepada anda.	tahun
Manfaat Kematangan	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Penyerahan	Selepas serahan, kami akan membayar nilai serahan tunai. Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat pada Nilai Serahan untuk maklumat lanjut.	tahun

\* Bayaran manfaat ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil Takaful.

#### 4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderitan kami.

RM

• Tempoh sumbangan: tahun.

#### 5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Yuran Wakalah (ditolak daripada sumbangan)

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9 - 10
% daripada Sumbangan	%	%	%	%	%	%	%	%	%
Amaun (RM)	RM								

Komisen dibayar kepada Bank (sebahagian Yuran Wakalah)

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9 - 10
% daripada Sumbangan	%	%	%	%	%	%	%	%	%
Amaun (RM)	RM								

Caj Serahan (semasa serahan sijil anda)

Tahun Sijil	% daripada Nilai Serahan Tunai
1 - 3	30%
4 - 8	25%
9 - 24	15%
25 ke atas	0%

#### 6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu tahu?

##### (a) Kepentingan Pendedahan

Kewajipan pendedahan pra-kontrak - Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua fakta material, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.

##### (b) Tempoh Bertengah

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari kalender selepas sijil telah dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan akan dikembalikan kepada anda.

##### (c) Kewajipan Peserta

Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangannya.

##### (d) Iltizam bi Al-Tabarru'

Sumbangan anda setelah ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke PRF berdasarkan konsep Iltizam bi Al-Tabarru'.

##### (e) Perkongsian Lebihan daripada PRF

Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Kami berhak ke atas lebihan berdasarkan prinsip Shariah iaitu Ju'alah.

(f) Rekod Pembayaran Sila simpan satu salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran sumbangan.
(g) Menukar Sijil Takaful Ia mungkin tidak memanfaatkan untuk menukar daripada satu sijil takaful kepada yang lain atau daripada satu Pengendali Takaful kepada yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada terma dan syarat baru untuk sijil takaful atau Pengendali Takaful tersebut.
(h) Tempoh Ihsan Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Tidak membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan penurunan kepada sijil berbayar terkurang atau penamatkan awal perlindungan anda. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.
(i) Penamaan Adalah penting untuk anda menamakan seseorang untuk menerima manfaat yang dibayar di bawah sijil anda dan memastikan bahawa penama tersebut menyedari tentang sijil yang anda sertai.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah sijil ini.

#### 7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

(a) Bunuh diri - sekiranya kematiannya disebabkan membunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil yang mana kemudian, manfaat kematiannya tidak akan dibayar.
(b) Tiada manfaat sijil akan dibayar jika TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
(i) kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras;

(ii) sebarang keadaan atau hilang upaya yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan sijil atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil, yang mana kemudian.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi pengecualian di bawah sijil ini.

#### 8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda. Penyertaan dalam pelan takaful keluarga adalah suatu komitmen jangka panjang. Jika anda tidak membayar sumbangan anda dalam tempoh ihsan, perlindungan anda mungkin dikurangkan atau sijil anda mungkin ditamatkan. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh kami apabila anda membatalkan sijil sebelum tarikh matang akan jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

#### 9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda/penama anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda/penama anda pada masa tepat.

#### 10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Keluarga" di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

#### Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad

Alamat: Ibu Pejabat, Tingkat 5, Menara B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: +603-7650 1800  
Faks: +603-7620 6730  
Emel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my

ATAU

Hong Leong Islamic Bank  
Alamat: Menara Hong Leong Bank, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Telefon: +603-7626 8899  
Emel: hlonline@hlb.hongleong.com.my

#### 11. Jenis perlindungan takaful keluarga serupa lain yang sedia ada.

Sila rujuk kepada kakitangan pemasaran kami untuk jenis pelan serupa lain yang ditawarkan.

#### NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SUATU KOMITMEN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN DIRI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN BERBINCANG DENGAN KAKITANGAN PEMASARAN ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada dd-mmm-yyyy.